

17 JUN 2003

PERANG RISALAH BERMULA DI PWTC

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang menjadi venue Perhimpunan Agung Umno ke-57 kini menjadi medan "perang risalah" apabila para peniaga bersaing sengit menarik pengunjung.

Kaedah itu adalah antara strategi pemasaran yang digunakan oleh para peniaga di 450 gerai yang disediakan sepanjang persidangan itu. Wakil penjual akan menunggu di sudut-sudut strategik untuk menghulur risalah kepada sesiapa yang melintasi mereka.

Secara purata seorang pengunjung yang mengelilingi gerai-gerai itu akan dihulur tidak kurang daripada tiga risalah.

Selain daripada maklumat mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan, ada risalah yang memaklumkan mengenai tawaran istimewa seperti hadiah misteri untuk pengunjung bertuah dan promosi harga.

Pelbagai produk dan perkhidmatan pada harga berpatutan seperti pakaian, makanan, perhiasan, kosmetik dan ubat-ubatan tradisional dijual di gerai-gerai berkenaan.

Perhimpunan agung kali ini merupakan yang terakhir bagi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden Umno.

-- BERNAMA

LES MUN KHY MOZ